

Ia diikuti Selangor sebanyak RM6 bilion dan Johor iaitu sebanyak RM4.8 bilion

P. Pinang catat eksport tertinggi barangan elektrik, elektronik

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN

SHAH ALAM

Pulau Pinang mencatatkan eksport tertinggi bagi barangan elektrik dan elektronik bernilai RM26.2 bilion iaitu sebanyak 58.5 peratus di peringkat negeri.

Rekod eksport itu diikuti dengan Selangor sebanyak RM6 bilion (13.3 peratus) dan Johor iaitu RM4.8 bilion (10.7 peratus).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, rekod tersebut dilaporkan melalui Statistik Eksport Import Mengikut Negeri Januari 2022.

"Antara lima negeri peng-eksport utama, Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 31.3 peratus,

diikuti oleh Selangor (19.0 peratus), Johor (18.3 peratus), Sarawak (7.8 peratus) dan Kedah (4.1 peratus).

"Sementara itu, bagi import, Selangor kekal sebagai penyumbang utama dengan 27.3 peratus, diikuti oleh Pulau Pinang (24.4 peratus), Johor (18.9 peratus), Kuala Lumpur (7.0 peratus) dan Kedah (6.6 peratus)," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Dalam pada itu, Mohd Uzir berkata, jumlah dagangan Malaysia pada bulan Januari 2022 bernilai RM203.0 bilion iaitu mencatat peningkatan 24.8 peratus tahun ke tahun dengan nilai eksport RM110.7 bilion.

Menurutnya, ia turut merekodkan nilai import sebanyak RM92.3 bilion iaitu peningkatan 26.4 peratus tahun ke tahun.

"Eksport pada bulan Januari 2022 meningkat sebanyak RM21.1 bilion (+23.5%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya.

"Eksport lebih tinggi direkodkan bagi kebanyakan negeri iaitu Pulau Pinang (+RM5.0 bilion), Johor (+RM4.0 bilion), Sarawak (+RM3.7 bilion), Selangor (+RM3.6 bilion), Kedah (+RM1.8 bilion), Sabah (+RM1.4 bilion), Pahang (+RM732.3 juta), Labuan (+RM713.8 juta), Terengganu (+RM511.0 juta), Kuala Lumpur (+RM278.9 juta), Kelantan (+RM66.2 juta) dan Perlis (+RM33.1 juta).

"Walau bagaimanapun, eksport menyusut di Perak (-RM610.2 juta), Melaka (-RM197.9 juta) dan Negeri Sembilan (-RM68.9 juta)," ujar beliau.

